

HARI : JUMAAT
TARIKH : 7/2/2020
M/SURAT : 7A

9 premis jual mahal

Kuala Lumpur: Sebanyak 91 aduan berhubung tindakan peniaga sengaja menaikkan harga penutup hidung dan mulut diterima Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) daripada orang ramai.

Timbalan Pengarah Penguatkuasaan (Pencegahan) Azman Adam berkata, hasil pemeriksaan dilakukan, pihaknya mengesan sembilan premis melakukan pelbagai kesalahan termasuk menjual penutup hidung dan mulut melebihi harga maksimum.

“Semua sembilan premis itu dikenakan kompaun dengan sebuah premis di Selangor menerima kompaun tertinggi RM20,000.

“Manakala dua lagi dikenakan kompaun atas kesalahan tidak mempamerkan tanda harga. Semua barang dirampas membabitkan nilai keseluruhan lebih RM3,600,” katanya ketika dihubungi Harian Metro semalam.

Beliau berkata, penularan kes koronavirus menyebabkan permintaan penutup hidung dan mulut sangat tinggi.

“Kami ingin beri amaran, kepada peniaga, jangan ambil kesempatan dengan menjual melebihi harga maksimum ditetapkan,” katanya.